

30/10/2003

Kerajaan negeri ucap terima kasih kepada Dr Mahathir

Daud Awang; Hussain Said; Suzianah Jiffar; Abdul Razak Raaff; Hamid  
KUALA LUMPUR: Beberapa kerajaan negeri dan rakyat berbilang kaum semalam merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, atas kepemimpinan dinamik beliau selama 22 tahun menerajui negara.

DI KOTA KINABALU, Ketua Menterinya, Datuk Musa Aman, berkata bagi membalas jasa Dr Mahathir itu, rakyat negeri itu akan memastikan Barisan Nasional (BN) memperoleh kemenangan besar dalam pilihan raya negeri akan datang.

"Sebagai mewakili rakyat Sabah, kita mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana membawa negeri ini ke tahap yang maju dari segi keamanan, perpaduan dan pembangunan," katanya kepada pemberita pada sidang media selepas menjadi tetamu program Selamat Pagi Malaysia selama setengah jam, di RTM Kota Kinabalu, di sini semalam.

Ucapan terima kasih rakyat Sabah termasuk pemimpin negeri serta bacaan puisi dan sajak kepada Perdana Menteri turut diselitkan sepanjang program itu.

DI SEREMBAN: Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berkata kerana kepemimpinan dinamik Dr Mahathir, kerajaan dan rakyat negeri itu turut menerima kesan limpahan kemakmuran dan pembangunan pesat.

"Kerajaan dan rakyat negeri ini merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan tidak terhingga di atas jasa dan pembaharuan yang dibawanya," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di pejabatnya di Wisma Negeri, di sini.

DI MELAKA, Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata kerajaan dan penduduk negeri itu mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Dr Mahathir kerana membantu membangunkan negeri itu.

"Banyak bantuan diberikan Dr Mahathir kepada Melaka terutama dalam pembinaan masjid dan surau, membantu menyelesaikan krisis air akhir tahun 80-an, membantu dari segi ekonomi seperti projek kereta Honda di Pegoh, syarikat membuat komponen kapal terbang iaitu CTRM Bhd, Petronas dan sebagainya," katanya.

Di JOHOR BAHRU, Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman menganggap kejayaan Dr Mahathir menyelesaikan krisis ekonomi pada 1997 serta mewujudkan keharmonian di kalangan masyarakat majmuk adalah perkara yang tidak akan dilupakan rakyat negara ini.

Beliau berkata, usaha Dr Mahathir itu menunjukkan beliau memang sanggup berkorban untuk rakyat dan bersedia berdepan pelbagai krisis semata-mata untuk kesejahteraan dan kepentingan rakyat.

Walaupun langkah penyelesaian krisis ekonomi yang dilaksanakan Dr Mahathir disifatkan agak luar biasa sewaktu diumumkan dulu, kini ia diiktiraf seluruh dunia sebagai tindakan terbaik dan mampu menyelesaikan krisis ekonomi jangka panjang.

"Kemungkinan kita tidak akan dapat menikmati keadaan seperti sekarang jika Dr Mahathir tidak mengeluarkan ideanya sehingga mampu mengeluarkan negara ini daripada krisis ekonomi walaupun pada masa itu langkah berkenaan dicemuh," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco kerajaan negeri, di sini semalam.

"Selain itu, rakyat Johor mengucapkan tahniah terhadap Abdullah yang akan menggantikan Dr Mahathir.

"Kita berharap beliau akan meneruskan perjuangan dan dasar untuk mencapai negara maju dan Wawasan 2020," katanya.

DI KANGAR, masyarakat Siam di Malaysia terhutang budi kepada Perdana Menteri kerana era kepemimpinannya berjaya mengangkat martabat kaum minoriti itu, kata Presiden Persatuan Siam Malaysia (PSM), Senator Siw Chun a/p Eam.

Beliau berkata, selain menerima takrifan Bumiputera, masyarakat Siam juga berbangga kerana mereka kini sudah mempunyai wakil di Dewan Negara.

Pada masa yang sama, Siw Chun turut menyuarakan keyakinannya Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang bakal menjadi pengganti akan meneruskan dasar sama yang dilaksanakan Dr Mahathir.

Di KUALA TERENGGANU: Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) yang mempunyai 450,000 ahli di seluruh negara mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Dr Mahathir yang akan bersara, Jumaat ini.

Setiausaha Agungnya, Syed Anuar Syed Mohamad, berkata GPMS bangga sepanjang 22 tahun menjawat jawatan Perdana Menteri, pelbagai pembangunan

dilaksanakan bagi mengangkat martabat bangsa.

Katanya, pelaksanaan dasar meritokrasi bagi kemasukan ke institusi pengajian tinggi dan penggunaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Matematik dan Sains walaupun mendapat tentangan pada peringkat awal, tetapi kini diterima secara terbuka.

"Inilah keistimewaan Perdana Menteri yang mampu melaksanakan pelbagai pembangunan dan melihat jauh ke depan agar rakyat Malaysia khususnya orang

Melayu tidak ketinggalan dalam arus pembangunan," katanya.